


# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Zuraida Zainun ... [et al.]  
**100 persoalan mengenai anemia**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.  
130ms.  
ISBN 978-983-46-1965-7

## ULASAN

Buku ini menerangkan dan menjawab persoalan yang sering kali diutarakan dalam kalangan masyarakat tentang anemia. Anemia atau lebih dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai penyakit kurang darah. Kajian secara mendalam menunjukkan bahawa anemia boleh menjelaskan kesihatan dan aktiviti harian.

Persoalan tentang anemia dibincangkan secara terperinci merangkumi 8 bab utama bermula dengan huraian tentang sel darah merah, merangkumi tanda-tanda anemia, penyebab utama anemia, jenis-jenis anemia, kesan anemia terutamanya bagi ibu-ibu mengandung dan akhir sekali rawatan penyakit ini.

Anemia adalah suatu keadaan apabila bilangan sel-sel darah merah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan fisiologi badan. Pesakit akan berasa lemah dan keletihan. Anemia yang teruk menyebabkan kulit selaput mukosa pesakit menjadi pucat, gangguan

pada jantung seperti degupan jantung yang laju seterusnya kegagalan jantung. Simptom-simptom anemia ialah sesak nafas, sakit kepala, sukar memberi tumpuan, pening, kaki kejang dan insomnia. Peningkatan risiko terjadinya anemia adalah disebabkan faktor lain seperti gangguan kesihatan usus kecil, menstruasi/haid, kehamilan, penyakit kronik seperti kanser, kegagalan buah pinggang/ginjal atau kegagalan hati, faktor keturunan, jangkitan kuman, penyakit kencing manis, pengambilan minuman beralkohol dan mereka yang kurang mengambil zat besi. Tanda-tanda anemia pada tahap bahaya ialah kadar denyutan jantung yang laju, kadar denyutan nadi yang kuat, degupan jantung abnormal, sakit jantung dan kegagalan jantung. Tanda-tanda anemia dalam kalangan kanak-kanak pula ialah kurang tenaga, cepat marah, demam kuning, lambat haid dan pertumbuhan fizikal yang terbantut.

Faktor utama penyebab anemia ialah kemusnahan sel darah merah pada kadar yang tinggi, kehilangan darah atau berlaku pendarahan yang banyak, penghasilan sel darah merah yang tidak mencukupi, kekurangan zat besi, kekurangan hemoglobin, penyakit kronik seperti penyakit buah pinggang, kegagalan fungsi sum-sum tulang. Bagi kanak-kanak pula faktor anemia ialah pemakanan yang tidak seimbang, pengambilan ubat-ubatan, penyakit talasemia dan jangkitan kuman.

Anemia dikategorikan dalam tiga kelas utama iaitu kehilangan darah, kemusnahan sel darah yang keterlaluan dan pengeluaran atau penghasilan sel darah merah yang kurang. Anemia yang sering ditemui ialah disebabkan kekurangan zat besi, kekurangan vitamin dan mineral, anemia kerana penyakit kronik, anemia hemolitik dan anemia disebabkan penyakit darah keturunan.

Sementara bagi ibu mengandung penulis turut membincangkan tentang jenis-jenis dan menyarankan langkah-langkah untuk mengelak daripada anemia dan kesannya terhadap ibu dan bayi yang dikandung. Kesan kepada bayi pula adalah di mana janin atau bayi itu akan keguguran, kelahiran pramatang, kelahiran kurang berat badan dan kematian bayi di dalam kandungan ibu.

Rawatan anemia adalah untuk meningkatkan jumlah oksigen dalam darah, bilangan sel darah merah dan paras hemoglobin di dalam badan. Teknik rawatan lain adalah dengan

mengubah sistem diet atau pemakanan, mengambil makanan atau zat tambahan, mengambil ubat-ubatan tertentu, melakukan pembedahan serta pemindahan darah dan pemindahan sel stem.

Sebagai kesimpulan, buku ini amat penting sebagai rujukan tentang penyakit anemia, terutama bagi mereka yang berisiko tinggi untuk mendapat penyakit anemia ini bagi mempelajari tip-tip yang diberi apabila berdepan dengan penyakit ini. Penerangan secara bertulis, gambar, carta dan data mengenai anemia ini boleh menjadi panduan berguna kepada pembaca untuk memahami dan berkongsi idea-idea tentang anemia ini bersama kenalan mereka dan menjelaskan kepentingan gaya hidup sihat. Intipati buku ini akan memberi manfaat yang besar terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi bagi mengelak terjadinya impak negatif melalui rawatan yang sesuai.

**Pengulas:**

**Subramaniam a/l Kuppusamy**


Penolong Pustakawan

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Jamilah Samian  
**Ajaibnya kebaikan : strategi 5 langkah untuk menjayakan perkahwinan anda**  
Ampang, Selangor : MyriadVentures Enterprise, 2015.  
258ms.  
ISBN 978-967-10430-4-2

## ULASAN

*Ajaibnya Kebaikan* membincangkan tentang cinta dalam sebuah perkahwinan, bagaimana untuk mencarinya, bagaimana menyuburkannya dan bagaimana untuk mengekalkannya. Penulis buku ini ingin berkongsi rahsia kebahagiaan pasangan suami isteri yang saling cinta-mencintai dan mengagumi antara satu sama lain serta mampu bertahan biarpun dilanda pelbagai ujian dan cabaran.

Buku ini menceritakan bahawa ‘kebaikan’ merupakan kayu ukur dalam kejayaan sesebuah perkahwinan. Bagi mengekalkan perkahwinan agar cinta sentiasa hidup dan mekar dalam perkahwinan beberapa langkah telah dicadangkan.

Langkah pertama dengan memahami mengapa kebaikan adalah raja: pilih untuk menjadi baik, walaupun sukar. Penulis cuba membawa kita meneroka ajaibnya peranan kebaikan dalam menyuburkan cinta antara anda dan pasangan dan menerima kekuatan dan kelemahan masing-masing dengan hati terbuka. Hanya hubungan cinta yang indah dapat

memenangi hati dan membolehkan pasangan berkongsi tawa dalam apa jua keadaan.

Langkah kedua dengan menguasai fasa-fasa perkahwinan dengan kebaikan. Di sini dijelaskan bahawa kita tidak perlu menjadi sempurna untuk mencintai dan dicintai. Sebaliknya setiap pasangan perlu bersedia untuk meniti dan menyelusuri tahap perkahwinan yang mempunyai cabaran yang berbeza dengan bijak bagi mencapai kebahagiaan dalam perkahwinan.

Langkah ketiga adalah menangani peringkat awal perkahwinan dengan memenuhi tabung cinta dengan kebaikan. Berdasarkan kajian yang dibuat, perbezaan perwatakan antara pasangan lazimnya ketara pada tahun-tahun awal perkahwinan dan pertelaghan yang berlaku boleh membawa kepada penceraian. Bagi mengelak perkara ini berlaku, di sini dicatatkan 100 tip atau tindakan yang boleh ambil bagi meningkatkan tabung cinta anda sekaligus mengekalkan hubungan dan menyemarakkan kasih sayang. Dalam sesebuah perkahwinan, bersyukur, berfikiran positif, bertimbang rasa dan sentiasa menghargai pasangan serta mengingati kebaikan yang dilakukan oleh pasangan merupakan faktor yang penting untuk menambahkan akaun cinta dan mengekalkan kebahagiaan rumahtangga.

Langkah keempat dengan meleraikan konflik dengan kebaikan. Dalam perhubungan yang komited, pengorbanan perlu dibuat oleh kedua-dua pihak bagi mengelak konflik yang timbul akibat isu-isu yang ditangani secara membina. Pengorbanan sebenarnya adalah sebahagian daripada kebaikan. Ada masa dan ketikanya, suami atau isteri perlu sanggup melepaskan keperluan, kegemaran dan kehendak sendiri demi kebahagiaan dan keselesaan orang yang dicintainya. Berkorban untuk orang tersayang adalah suatu yang mulia. Pengorbanan juga membina keintiman antara pasangan suami isteri.

Langkah kelima dengan mewujudkan sinergi dengan kebaikan dan membina matlamat bersama. Bab ini menghuraikan tentang kepentingan untuk berkongsi impian kerana impian yang dikongsi membantu pasangan suami isteri untuk fokus kepada perkara yang paling penting dalam hidup. Impian yang dikongsi bermakna anda dan pasangan komited untuk mengambil arah yang sama untuk mencapai destinasi yang sama. Kerapkan bercakap tentang impian yang dikongsi bersama kerana ia dianggap sebagai gam kuat

yang akan membuatkan rumahtangga menjadi kukuh.

Ada bab yang boleh dimanfaatkan pembaca yang belum berkahwin dan sedang mencari pasangan hidup untuk dijadikan sebagai panduan dalam mencari pasangan hidup yang sejati ke arah membina sebuah perkahwinan yang bahagia.

Secara keseluruhannya, buku ini menawarkan nasihat yang praktikal, serta senario kehidupan sebenar dengan gaya bahasa yang mudah difahami. Buku ini bukan sahaja sesuai untuk pasangan yang sedang berhadapan dengan masalah rumahtangga tetapi juga bagi pasangan yang baru berkahwin dan mereka yang merancang untuk berkahwin.


**Pengulas:**

**Rokiah Mohd. Kasim**

Pembantu Perpustakaan

Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Azizi Ali  
**Bagaimana hendak menjadi jutawan harta** :  
panduan terunggul untuk menjana wang besar  
daripada pelaburan harta

Petaling Jaya : True Wealth, 2015. 248ms.  
ISBN 978-967-4160524

## ULASAN

Pada pengenalan buku ini penulis melontarkan persoalan “tidakkah pelik apabila ada sesetengah orang boleh membuat duit dan bersenang-lenang di saat ada yang lain kelemasan di dalamnya?” Persoalan ini timbul daripada pengalaman ngeri pelabur yang memiliki rumah dan pada masa yang sama memiliki penyewa dari neraka. Malah mungkin ini adalah pengalaman beribu-ribu lagi pemilik harta bersama beban yang datang bersamanya. Azizi Ali memberikan harapan bagi merealisasikan impian semua pelabur harta dan bagaimana untuk mengoptimumkan keuntungan sambil meminimumkan masalah.

Mengapa harta? Menurut penulis, harta merupakan suatu bidang yang boleh menjana pendapatan, nilainya meningkat bersama inflasi, memerlukan usaha yang sedikit, beban kewangan ditanggung oleh pihak lain dan pemilik mampu mengawalnya. Walau bagaimanapun maklumat mengenai harta tidak mudah diperolehi. Tidak siapa tahu nilai sesuatu harta dengan tepat dan nilai yang sebenar diniagakan. Ianya

merupakan lombong emas bagi sesiapa sahaja yang menguasai pengetahuan dan maklumat tentang pasarananya berbanding pasaran saham di mana maklumat mudah didapati dari indeks, suratkhabar dan internet.

Sebab yang kedua ialah orang kaya melabur dalam harta tanah dahulu, kini dan juga esok. Jadi untuk menjadi kaya, kita harus mengikuti jejak langkah orang kaya. Selagi ada orang membeli rumah selagi itu ada peluang menjana keuntungan.

Buku ini memberikan panduan berguna bagi mereka yang bercadang menceburi bidang harta tanah. Bagi memudahkan kefahaman, penulis membahagikan harta tanah kepada 15 jenis dari rumah setinggan hingga ke bangunan khas seperti stadium dan teater. Setiap jenis harta tanah disertakan kelebihan, kekurangan dan beban yang datang bersamanya. Menurut pendapat penulis, bidang pelaburan harta tanah kediaman paling sesuai kerana permintaan terhadapnya yang sentiasa ada.

Tiga faktor utama penentu kejayaan digariskan dalam pelaburan harta tanah iaitu:

- Cari lokasi yang panas. Lokasi hebat dan menarik dan mampu menarik minat beribu orang untuk menyukainya dan membeli.
- Beli pada harga yang rendah. Penulis menyatakan dalam bidang harta tanah wang telah mula dibuat semasa membeli. Kesabaran dan sedikit pencarian maklumat mengenai harta tanah terbabit dapat memberikan pulangan yang berbaloi.
- Pembelian memenuhi belanjawan. Pastikan kemampuan untuk membayar semula pinjaman yang diambil. Pastikan pembayaran pinjaman adalah 40 peratus daripada pendapatan bulanan.

Penulis berkongsi rahsia seterusnya untuk menjadi seorang jutawan harta tanah di mana terdapat 5 formula yang menjadi penentu kejayaan. Formula yang pertama adalah membeli secara berkumpulan. Kumpulan pelabur harta tanah ini akan membeli secara pukal pada peringkat awal projek perumahan daripada pemaju. Pembelian cara ini akan mendapat diskaun yang besar antara 20 peratus hingga 30 peratus daripada harga jualan.

Formula kedua adalah dengan membeli harta tanah dari pemaju. Kebiasaannya harga

hartanah yang sudah siap akan meningkat dari 30 hingga ke 40 peratus daripada harga jualan asal. Formula yang ketiga ialah dengan membeli daripada penjual yang terdesak. Penjual yang terdesak selalunya tidak cerewet dan akan menjual hartanah mereka pada harga diskau. Formula keempat adalah membeli secara lelongan yang selalunya menjanjikan harga yang di bawah pasaran. Formula kelima adalah dengan menyewa hartanah bagi yang memiliki lebih dari satu hartanah.

Buku ini amat berguna bagi yang bercita-cita untuk menjadi kaya melalui pelaburan hartanah, atau mengurus sewaan rumah secara profesional. Dengan menggunakan gaya penulisan naratif yang bersahaja, disaluti dengan humor membuat kita ingin menghabiskan buku ini dari kulit ke kulit. Tambahan lagi kaedah serta formula jadi kaya yang diberikan amat menyakinkan dan membuatkan kita merasa hanya selangkah lagi untuk menjadi jutawan.

**Pengulas:**

**Syarifah Fatimah Syed Nasir**  
Bahagian Penyelidikan  
Penolong Pustakawan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Tengku Azmanira Raja Husin  
**Manual kehamilan : panduan penjagaan ibu dan bayi**

Batu Caves, Selangor : Must Read, 2014. 360ms.  
ISBN 978-967-0392-97-4

## ULASAN

Buku *Manual Kehamilan* ini dihasilkan oleh penulis untuk berkongsi pengalaman dan ilmu kehamilan dengan para pembaca. Buku ini menyediakan panduan yang sangat berguna kepada pembaca khususnya pasangan suami isteri sebagai persediaan untuk merancang dan mengharungi fasa kehamilan. Topik yang terdapat dalam buku ini bermula seawal merancang kehamilan sehingga penjagaan ibu ketika hamil. Antara topik yang turut dimuatkan seperti penerangan terperinci mengenai kepentingan merancang keluarga, masalah kesuburan, penjagaan antenatal, menghadapi kelahiran, pengetahuan asas kebidanan, penjagaan bayi dan penyusuan.

Penulis menekankan kepentingan perancangan keluarga bagi setiap pasangan agar bersedia dari segi iaitu rohani, mental, fizikal, kewangan dan pengetahuan keibubapaan. Buku ini memberi penerangan tentang persediaan yang perlu dilakukan sebelum kehamilan meliputi kecergasan badan, pengambilan diet yang seimbang, melakukan pemeriksaan kesihatan dan suntikan vaksin kehamilan. Suami atau isteri perlu menjaga

pemakanan untuk menggalakkan kesuburan sperma dan ovum supaya tidak menghadapi masalah kesuburan. Pemakanan yang seimbang akan meningkatkan peluang untuk hamil dan mendapat bayi yang sihat. Antara makanan seimbang yang perlu diambil adalah makanan yang mengandungi sumber protein, vitamin C, zat besi, zink, kalsium dan vitamin D. Pengambilan makanan yang tidak sihat seperti makanan segera, alkohol, rokok dan dadah amat dilarang dan ditegah untuk mengelakkan kemudaratan kepada bayi seperti kecacatan dan kematian.

Penulis turut menyentuh tentang peringkat kelahiran. Proses kelahiran dibahagikan kepada tiga peringkat sebelum kelahiran bayi yang ditunggu-tunggu oleh pasangan. Bab fasa berpantang, amalan penjagaan diri, rawatan dan ubat-ubatan selepas bersalin merupakan bahagian yang perlu diberi perhatian oleh ibu yang baru melahirkan anak. Ia bermula dengan amalan bertungku bagi menaikkan semula bahagian peranakan dan mengecutkan peranakan, mengurut seluruh badan dengan minyak herba bagi menguatkan semula tubuh, mandi bunga/herba bagi mengembalikan seri wajah dan kesihatan tubuh melalui aroma terapi dari bunga/herba pilihan, barut bagi mengempiskan perut dan mengelakkan perut daripada cepat berkedut serta penggunaan bengkung bagi menjaga bahagian peranakan.

Fasa seterusnya ialah tentang penjagaan bayi baru lahir, masalah kesihatan yang sering dialami seperti demam kuning, sel darah merah, sembelit, kembung, demam dan lain-lain. Penulis menyarankan supaya ibu bapa memastikan rekod dan tarikh pengambilan vaksin seperti suntikan BCG, Hepatitis B, DTP, Polio (IPV), HIB dan Measles-Mump-Rubella (MMR) mengikut umur bayi disimpan dengan baik agar tidak terlepas temujanji kerana imunisasi tersebut wajib diambil oleh semua bayi bagi mencegah penyakit. Selain itu, teknik-teknik penjagaan bayi seperti bagaimana mencuci dan menjaga tali pusat, memandikan, menidurkan dan banyak lagi juga diselitkan dalam buku ini.

Penulis turut menekankan tentang penyusuan susu ibu untuk bayi yang baru lahir dan panduan bagi ibu yang baru pertama kali melahirkan anak. Bayi memerlukan kolostrum yang terhasil pada akhir kehamilan sehingga beberapa hari setelah kelahiran bayi sebagai sumber protein dan merupakan antibodi kepada bayi bagi melawan jangkitan dan penyakit.

Buku ini amat bermanfaat kerana isi kandungan yang amat baik, senang difahami dan disertakan ilustrasi yang jelas tentang perkara yang dibincangkan.

**Pengulas:**


**Wan Juzlina Wan Ab Jamil**

Pembantu Perpustakaan

Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Wan Hassan Wan Ismail  
**Memahami diabetes : panduan mengurus diabetes, tip & kehidupan yang lebih sihat**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2015. 171ms.  
ISBN 978-967-388-188-8

## ULASAN

Buku *Memahami Diabetes* ini merungkai persoalan tentang diabetes di samping memahami penyakit tersebut. Secara tidak langsung, buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan kepada pelajar, perpustakaan dan hospital kerana menjawab segala persoalan masyarakat berkaitan diabetes. Buku ini turut padat dengan tip menjaga diet sihat, senarai makanan yang sesuai dimakan atau sebaliknya serta amalan gaya hidup sihat daripada pakar. Seterusnya buku ini turut mengetengahkan panduan memantau aktiviti dan amalan pemakanan dengan berpandukan jadual pemakanan serta tip-tip lain.

Diabetes atau kencing manis ialah sejenis penyakit kronik. Jika paras glukos dalam darah seseorang itu tinggi daripada paras normal, orang itu dikatakan mempunyai diabetes iaitu Diabetes Mellitus 1 (T1DM), Diabetes Mellitus 2 (T2DM) dan Gestational Diabetes Mellitus (GDM).

Diabetes Mellitus 1, biasanya berlaku kepada remaja dan kanak-kanak. Ianya terjadi

apabila pankreas tidak dapat menghasilkan insulin. Diabetes Mellitus 2, biasanya berlaku kepada orang dewasa apabila pankreas tidak dapat menghasilkan insulin secukupnya atau tidak berkesan menguraikan glukosa. Gestational diabetes mellitus berlaku kepada wanita mengandung apabila pankreasnya tidak dapat menghasilkan insulin secukupnya. Biasanya selepas kelahiran keadaan akan kembali normal.

Tanda-tanda atau simptom seseorang itu menghidap diabetes ialah selalu letih, kerap kencing terutama waktu malam, berat badan turun mendadak, luka lambat sembah, selalu lapar, mata rabun, kebas pada tangan dan kaki, dahaga, infeksi dan gatal di celah kangkang.

Penulis juga turut membincangkan beberapa simptom diabetes. Antaranya ialah kegemukan, kurang bersenam, mempunyai tekanan darah tinggi dan kolestrol yang tinggi, diet yang tidak sihat, telah dikenalpasti *glucose intolerance* sebelum ini, sejarah keluarga, sejarah gestational diabetes dan umur meningkat.

Dua istilah yang sering dikaitkan dengan diabetes ialah hiperglisemia dan hipoglisemia. Hiperglisemia ialah satu keadaan apabila kandungan glukosa darah yang tinggi daripada paras yang sepatutnya. Punca hiperglisemia ialah kerana kekurangan insulin bagi memecahkan glukosa untuk digunakan oleh sel-sel. Antara simptom-simptom hiperglisemia ialah selalu berasa haus, kerap membuang air kecil, pandangan kabur, luka lambat sembah, mengantuk, kulit kering dan lapar.

Hipoglisemia ialah terma teknikal yang berkaitan dengan keadaan glukosa darah yang rendah. Sukatan darah ialah kurang daripada 3.9 mmol/L. Punca hipoglisemia ialah apabila pesakit terlalu mengawal makan, makan ubat-ubatan tertentu seperti gliclazide dan terlupa untuk makan ubat, kesilapan dalam terapi insulin (dos yang besar), kekuatan serapan insulin, silap masa mengambil suntikan insulin dan senaman berlebihan.

Antara simptom-simptom hipoglisemia ialah degupan jantung kencang, berpeluh sejuk, sakit kepala, penglihatan kabur, lapar, keliru, pening dan ketar. Tips-tips untuk mengurangkan risiko hipoglisemia ialah pengambilan insulin dan ubat mengikut aturan. Pesakit dinasihatkan supaya jangan mengabaikan pengambilan makanan apabila

menyuntik insulin atau mengambil ubat yang boleh menyebabkan hipoglisemia. Pesakit juga dinasihatkan supaya sentiasa membawa bekalan manisan seperti coklat dan gula-gula. Ahli keluarga pesakit juga perlu dimaklumkan berkaitan hipoglisemia bagi memudahkan mereka bertindak apabila pesakit mengalami hipoglisemia. Pesakit dan ahli keluarga juga digalakkan mempelajari cara-cara menyuntik glucagon dengan bantuan doktor atau paramedik.

Panduan mengawal diabetes amat berguna bagi mengawal tahap glukosa darah, kolesterol dan tekanan darah. Secara keseluruhannya, untuk mengawal tiga aspek tersebut, pesakit hendaklah sentiasa mengawal jenis makanan yang diambil. Kurangkan makanan berlemak dan bergoreng tetapi lebihkan sayuran mentah, terutama sayuran berdaun hijau. Sukat makanan yang hendak dimakan kerana lebihan makanan yang tidak dibakar akan mengakibatkan berat badan dan glukosa darah meningkat. Bersenam secara tetap akan menurunkan berat badan dan dapat mengawal paras glukosa darah.

Ternyata buku ini banyak memberi input yang bermanfaat untuk pesakit diabetes, ahli keluarga dan masyarakat dalam memahami penyakit tersebut, komplikasi dan penjagaan dari kaca mata penghidap diabetes.


---

**Pengulas:****Ramaperbah Chandran**

Penolong Pustakawan  
Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Quek, Jonathan  
**Rahsia pelaburan emas dan perak**  
Petaling Jaya : TrueWealth, 2014. 234ms.  
ISBN 978-967-416-047-0

## ULASAN

Buku ini mengupas dengan mendalam tentang bagaimana pelaburan emas dan perak sangat berkait rapat dengan wang dan keuntungan pada masa kini dan masa hadapan. Umum mengetahui bahawa emas dan perak adalah komoditi yang paling menguntungkan dalam sejarah pelaburan dunia. Oleh kerana itulah, maka Jonathan Quek dalam penulisannya telah membawa pembaca ke dimensi yang sangat menarik dan memberi inspirasi untuk mengetahui tentang rahsia emas dan perak.

Dalam bab pertama, penulis membincangkan tentang sejarah awal kewangan dan hubungannya dengan perkembangan sosio ekonomi dunia. Bermula dengan evolusi wang, pembaca akan dapat mengetahui kaitan antara emas dan perak dan bagaimana ia boleh bertukar menjadi sumber wang yang tidak akan susut nilainya. Emas dan perak merupakan logam berharga yang akan sentiasa kekal bentuknya dan tidak akan rosak. Ciri-ciri fizikal yang ada pada emas dan perak inilah menyebabkan ianya diterima dunia

sebagai mata wang yang amat berkesan. Emas sentiasa diiktiraf dan mempunyai nilai yang tinggi di mana-mana sahaja di serata dunia sejak dahulu. Begitu juga dengan nilai perak yang berada pada kedudukan komoditi yang paling bernilai selepas emas.

Dalam bab kedua pula, pembaca dapat memperoleh ilmu tentang bagaimana perkembangan nilai mata wang yang dijana daripada emas dan perak itu mempengaruhi turun naik ekonomi dunia. Seperti yang kita sedia maklum, pengurusan kewangan tetap menjadi perkara utama dalam menentukan kemampuan kewangan setiap orang. Walau bagaimana tinggi pun nilai emas dan perak yang dimiliki, namun kegagalan menguruskannya boleh membawa padah. Inflasi umpamanya boleh menjadi barah jika tidak dibendung sebaiknya. Penulis mengutarkan lima cabaran utama ekonomi yang sering terjadi dalam menentukan turun naik indeks kewangan dunia. Salah satunya ialah perang mata wang yang sering berlaku di negara-negara maju.

Buku ini memuatkan temuramah penulis bersama pakar-pakar yang terlibat secara aktif dalam pasaran emas dan logam. Antaranya ialah Jim Rogers, seorang pengarang, pengulas kewangan dan juga seorang pelabur yang berjaya membongkar tentang bagaimana potensi komoditi ini dapat dijadikan modal paling menguntungkan meski pun semasa krisis ekonomi melanda.

Seterusnya pembaca juga dapat menimba ilmu tentang pelaburan emas dan perak dalam bab keempat. Penulis membongkar banyak sifat emas yang dapat membuka mata umum tentang betapa bernilainya emas dalam pelaburan dan sentiasa menjadi buruan pelabur-pelabur yang arif tentangnya. Dalam bab ini juga kita dapat mengetahui faktor-faktor yang telah menjana permintaan tinggi terhadap komoditi ini.

Perak juga merupakan komoditi yang tidak kurang pentingnya selepas emas. Perak menjadi bahan yang sangat penting dalam industri pembuatan. Hal ini kerana hampir 70% barang kegunaan harian kita adalah berasaskan logam perak. Sama ada kita sedar atau tidak, perak mempunyai beratus-ratus kegunaan dalam industri. Malah, permintaan industri bagi kegunaan perak dijangka akan meningkat sehingga ke dekad seterusnya. Malahan di negara maju seperti China misalnya, permintaan terhadap perak meningkat seiring dengan pasaran antarabangsa.

Seterusnya dalam bab keenam dan bab ketujuh, penulis membincangkan tentang kebangkitan dinar emas dan perak yang saling berhubung kait dengan cabaran kewangan dunia. Menyorot kembali sejarah wang dinar dan dirham yang pernah bangkit cemerlang sejak kurun ke-13, mata wang ini menjadi satu standard yang diperakui dunia dalam memastikan kelangsungan emas dan perak. Dari situlah cabaran berkenaan kewangan dan cara-cara mengatasinya dikupas oleh penulis untuk memberi gambaran kepada pembaca bahawa pelaburan emas dan perak ini tidak akan memberi kerugian kepada pelaburnya.

Secara keseluruhannya buku ini memberi kesedaran kepada kita dan meningkatkan pengetahuan mengenai pelaburan emas dan perak sekaligus membuat keuntungan dengannya. Buku ini juga dapat membantu kita menghargai dua sumber komoditi yang sangat bernilai ini.

---


**Pengulas:**

**Zuriana Yusoff**  
Pembantu Perpustakaan Kanan  
Bahagian Penyelidikan  
Perpustakaan Negara Malaysia

---

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Tauhid Nur Azhar  
**Rahsia tentera imun**  
Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2014.  
174ms.  
ISBN 978-967-411-270-7

## ULASAN

Buku ini membicarakan tentang salah satu kurniaan Allah S.W.T. kepada makhluk-Nya iaitu sistem imun bagi mempertahankan badan kita daripada serangan penyakit. Manusia dilengkapskan dengan sistem pertahanan semula jadi iaitu sistem imun. Sistem imun ini perlu dipelihara dengan membekalkan bahan yang dapat menguatkan dan menstabilkannya. Buku ini menerangkan sistem imunisasi tubuh dan perkaitannya dengan kekuatan rohani yang perlu ada kerana Allah S.W.T. yang menciptakan keajaiban ini supaya kita semua menjadi hamba-Nya yang bersyukur.

Penulis menyedarkan kita tentang kekuasaan Allah S.W.T. yang menghadirkan hormon-hormon untuk melindungi dan menjaga kita supaya tubuh kita dapat menghadapi pelbagai unsur luaran dan dalaman. Sistem imun memiliki cara kerja yang bijak. Ia mampu mengenali pelbagai zat sama ada yang bermanfaat ataupun yang merosakan tubuh pada setiap masa. Apabila tubuh diserang oleh sesuatu yang tidak baik dan berpotensi melakukan kerosakan, sistem imun akan membentuk mekanisma untuk

melawan penyakit. Bermula dari barisan paling hadapan ataupun paling luar seperti air liur, air mata, bulu hidung, kulit, selaput lendir hingga ke barisan sistem imun yang spesifik di dalam sel-sel badan. Sistem imun mencegah kemasukan unsur-unsur asing ke dalam badan seperti pencemaran, alahan, kuman atau bakteria dan virus. Mikrob patogen dalam tubuh manusia melindungi tubuh daripada semua jenis penyerang dan benda-benda asing.

Sistem imun adalah suatu mekanisma yang melindungi badan daripada mudah dijangkiti oleh penyakit bawaan bakteria ataupun penyakit berjangkit. Kekurangan imun berlaku apabila terdapat komponen sistem ketahanan badan yang tidak aktif. Apabila ini berlaku, sistem ketahanan badan menjadi lumpuh dan tidak berdaya melawan serangan bakteria. Seperti sistem-sistem lain di dalam tubuh badan manusia, sistem imun memerlukan bekalan nutrisi yang cukup. Nutrisi diperlukan bagi menghasilkan sel-sel baru dan membekalkan sumber tenaga supaya sistem pertahanan dapat berfungsi.

Sistem imun berkait rapat dengan keimanan kepada Allah S.W.T. Iman adalah kunci bagi memaksimumkan kekuatan sistem imun bagi melindungi badan. Suatu kajian dilakukan bagi melihat kesan ketegangan pada sistem imun. Orang yang cemas, takut dan gelisah didapati cenderung memiliki sistem imun yang lemah. Wuduk dapat menenangkan diri dengan cara mengawal suhu badan dan membantu aliran darah yang maksimum ke otak. Aktiviti-aktiviti seperti solat, zikir, puasa, membaca al-Quran dan bersedekah memberi kesan yang luar biasa dalam sistem imun tubuh.

Terdapat beberapa cara bagi menghilangkan ataupun mengurangkan kesan tekanan antaranya berfikiran positif, menghirup udara segar, melihat pemandangan yang hijau, bertenang dan berehat. Apabila sistem imun tertekan, seseorang terdedah kepada bahaya dan mudah dijangkiti oleh penyakit. Hormon yang tidak seimbang dan sistem imun yang tidak mantap mendorong pelbagai penyakit antaranya strok.

Kesimpulannya, kita perlu sentiasa sedar bahawa Allah S.W.T. yang mewujudkan pertahanan diri melalui sistem imunisasi kita supaya dapat bertahan daripada serangan musuh seperti bakteria, virus, kulat, parasit dan sel kanser. Justeru kita perlu sentiasa mempertingkatkan keimanan kepada Allah S.W.T. kerana semakin tinggi iman maka

semakin memuncak imun. Kita juga perlu sedar bahawa aktiviti sistem imun ini banyak dipengaruhi oleh fikiran dan keyakinan kepada kekuasaan Allah S.W.T. Segala sesuatu yang berlaku di dalam dan di luar badan bergantung pada keyakinan kita kepada Allah S.W.T. Allah S.W.T. Maha Mengetahui dan memberi penyelesaian terbaik untuk hamba-hamba-Nya yang beriman.

**Pengulas:**

**Nor Baayah Che Darus**


Pembantu Perpustakaan

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Farah Alias  
**Suri rumah jutawan : surirumahjutawan.com**  
Batu Caves, Selangor : Sofis Prima, 2015. 157ms.  
ISBN 978-967-12904-0-8

## ULASAN

Buku ini memberi satu panduan kepada para suri rumah bagaimana menjana pendapatan dari rumah. Mengandungi kisah pengalaman penulis dalam menempa kejayaan hasil usahanya tersendiri. Menjadi suri rumah yang hanya bergantung pada pendapatan suami setelah memperoleh seorang anak adalah sesuatu yang sungguh membimbangkan diri penulis. Justeru, dengan kekuatan dan semangat keazaman tinggi untuk berjaya dan memperoleh kehidupan lebih senang, Puan Farah Alias bangkit berjuang untuk mencapai matlamat dan cita-citanya.

Meskipun penulis berkahwin pada usia yang begitu muda, beliau berazam untuk sekurang-kurangnya mengekalkan status kehidupannya yang selama ini tergolong dalam kalangan orang berada. Beliau tidak sekali-kali kesal dengan keadaan, namun percaya rezeki ada di mana-mana. Justeru beliau terlintas untuk menjana pendapatan dengan bekerja dari rumah. Langkah pertama yang dilakukan ialah mendapatkan kemahiran

dalam pengurusan bisnes.

Penulis berkongsi pengalaman beliau dalam bisnes salon yang menemui kegagalan. Berubah atau rebah slot kandungan bab 5, memberikan panduan pilihan yang perlu dibuat untuk bangun kembali. Berbekalkan amanah yang dipikul untuk melangsaikan pinjaman PUNB, beliau memilih untuk berubah dan tiada istilah ‘duduk diam’. Beliau melakukan pelbagai walaupun terpaksa mengharungi pelbagai rintangan, namun beliau berserah pada Yang Maha Kuasa, yang menentukan segalanya.

Dengan tekad dan semangat untuk berjaya, penulis bangkit mengusahan bisnes kek cawan, kursus bakeri, bisnes *online* dan bisnes jualan langsung. Beliau memotivasiikan diri dengan tekad untuk berusaha tanpa jemu dan percaya bahawa apa saja cabaran besar dapat diatasi dengan usaha dan disiplin meskipun mempunyai tanggung jawab sebagai isteri, ibu dan suri rumah.

Penulis turut berkongsi pengalaman bagaimana beliau terdorong menjalankan bisnes dengan kejayaan usahawan-usahawan yang berjaya sebelum ini. Selain itu, penulis turut menerapkan semangat untuk berjaya bagi yang berminat menjalankan bisnes dari rumah dengan perkongsian kelebihan serta kaedah pengurusan dan psikologi daripada penulis. Wujudnya talian internet jalur lebar meningkatkan lagi usahawan melalui platform internet. Bagi penulis, kehidupan beliau menjadi lebih baik dari segi didikan anak-anak, masa yang fleksibel dan dapat menjamin masa depan.

Kesimpulannya, penulis berjaya mengubah pandangan bahawa suri rumah yang tempat mereka hanya di dapur, memasak, mengemas rumah dan menjaga anak kepada ‘Suri Rumah Jutawan’ kerana mereka ini boleh menempa kejayaan dengan mengusahakan bisnes dari rumah sambil merapatkan hubungan kekeluargaan.


**Pengulas:**

**Sharleena Apriliana Adris**

Pembantu Perpustakaan  
Bahagian Penyelidikan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Thwaites, Judith  
**100 panduan mengajar perkembangan peribadi, sosial dan emosi**  
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku  
Malaysia, 2014. 177 ms.  
ISBN 978-967-430-093-7

Buku ini sesuai dijadikan panduan kepada penjaga kanak-kanak, panduan yang mudah dan praktikal, terutamanya mereka yang berhasrat meningkatkan pembangunan peribadi, sosial dan emosi kanak-kanak dalam jagaan mereka. Panduan yang disarankan ini dipilih khusus supaya mendatangkan keseronokan dan kegembiraan untuk dilakukan bersama kanak-kanak. Dengan melakukan berulang kali, kanak-kanak akan mendapat keselesaan dan memperoleh keyakinan untuk melakukan aktiviti sendiri. Kanak-kanak diumpamakan sebagai span, cermin dan gema yang semuanya bergabung menjadi satu. Maka orang yang penting kepada mereka dalam berperanan mempamerkan contoh yang baik dan memberikan pengalaman yang berguna pada usia awal kanak-kanak.

## SINOPSIS BUKU



Haliza Abdul Mutalib  
**100 persoalan tentang kanta lekap**  
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015. 125 ms.  
ISBN 978-967-0829-02-9

Pemakaian kanta lekap tidak lagi sekadar bantuan optikal tetapi kini lebih kepada keperluan kosmesis dan terapeutik. Penulis menterjemahkan kepakaran beliau dengan merungkai 100 persoalan lazim tentang kanta lekap. Terdapat 10 topik utama yang mengandungi 10 soalan setiap satu serta jawapan yang disusun bagi memudahkan pembacaan dan pemahaman pembaca. Isi kandungan merangkumi persoalan awal tentang peranan dan perbezaan antara profesion penjagaan mata, jenis kanta lekap, kebaikan dan perbezaan setiap jenis kanta lekap, teknik pengendalian serta cara penjagaan yang betul. Ditekankan juga informasi tentang komplikasi atau kesan yang boleh berlaku sekiranya kanta lekap tidak dijaga dengan baik atau disalahguna. Kandungan buku ini terlalu berharga dan mampu meningkatkan kualiti kesihatan mata pada masyarakat umum. Sewajarnya individu dan golongan yang berkaitan seperti pegawai perubatan, jururawat, pemakai kanta lekap serta pelajar dalam jurusan optik memanfaatkan ilmu dari buku ini dengan sebaik mungkin.

## SINOPSIS BUKU



Azman Razali  
**8 tatagaya solekan : variasi airbrush**  
Shah Alam : Alaf 21 @ grupbuku Karangkraf, 2014.  
160ms.  
ISBN 978-983-124-997-0

Solekan *air-brush* semakin menjadi pilihan ramai kerana hasil solekannya yang mulus, bersih dan kemas. Walaupun solekannya nipis, tetapi hasilnya sangat menarik. Kini penggunaan *air brush* dalam solekan semakin mendapat sambutan di Malaysia, kerana menggunakan teknologi HD (Dimensi Tinggi) dalam menghasilkan solekan yang nipis bersesuaian dengan kehendak teknologi HD tersebut. Teknik solekan ini boleh dipelajari secara terperinci daripada seorang pakar persolekan yang merupakan seorang *International Makeup Director* yang berpengalaman lagi disegani. Ilmu solekan *air brush* ini sesuai bukan sahaja untuk mereka yang terlibat dalam bisnes solekan bahkan juga untuk semua wanita kerana fenomena solekan *air brush* akan menjadi asas solekan pada masa akan datang. Buku ini juga dilengkapi penerangan dan gambar proses solekan untuk panduan lebih jelas dan terperinci.

## SINOPSIS BUKU




Sujibto, Bernando J.  
**9 minit mempengaruhi dan  
menakluki orang lain. ed.  
bahasa Melayu**  
Batu Caves, Selangor : Ar-  
Risalah Production, 2015.  
140 ms.  
ISBN 978-967-448-012-7

Hidup adalah sebuah pertandingan, perjuangan dan penuh dengan persaingan. Siapa yang boleh mempengaruhi orang lain untuk memanfaatkan peluang dan kesempatan yang ada, dia adalah pemenangnya. Di dalam buku ini, digariskan beberapa panduan kepada pembaca cara dan tip untuk mempengaruhi dan menakluki orang lain dalam tempoh yang singkat. Kita tidak akan mampu memujuk dan mempengaruhi orang lain tanpa kemahiran. Kita perlu mempunyai prinsip-prinsip asas yang boleh membantu kita untuk melengkapkan diri untuk membentuk peribadi yang berintegriti serta memiliki aura yang kuat untuk meraih pesona orang lain. Teknik mempengaruhi dan menakluki orang lain yang disajikan dalam buku ini merangkumi aspek-aspek psikologi, kemanusiaan dan persaingan perniagaan. Teknik ini mengajak pembaca untuk menyiapkan diri untuk tampil di khalayak dengan penuh keyakinan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Paul Yambun Imbun  
**Amfibia Sabah**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
194ms.  
ISBN 978-983-46-0715-9

Ini merupakan terbitan ketiga hasil usahasama antara Taman-Taman Sabah dengan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui projek Penulisan Siri Flora dan Fauna. Buku ini padat dengan maklumat terkini berkaitan dengan fauna amfibia iaitu tentang ekologi katak dan isu pemuliharaannya di Sabah. Turut dijelaskan beberapa spesies amfibia yang baharu dan merekodkan perubahan terkini nama-nama saintifik spesies amfibia. Fauna amfibia lebih sinonim dengan fauna katak dan di Sabah, lebih kurang 98% daripada spesies amfibia merupakan spesies katak. Gaya bahasa ditulis dengan cara yang mudah difahami dan dihayati oleh pembaca. Gambar-gambar menarik dan berwarna penuh membolehkan pembaca mengenali haiwan tersebut dengan lebih mudah. Maklumat disertakan dengan nama tempatan (etnik Sabah), nama Inggeris dan nama Melayu untuk setiap spesies juga diberikan. Penghasilan buku ini sewajarnya memberi kesedaran awam mengenai kepentingan dan keunikan amfibia di sekeliling kita. Malahan sesuai dijadikan rujukan oleh golongan amatur atau profesional yang terlibat dalam bidang akademik dan penyelidikan.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Sharinatol Akmanida  
Jamaludin  
**Aplikasi microsoft project  
2010 dalam industri  
pembinaan**  
Ipoh, Perak : Sharinatol  
Akmanida Binti Jamaludin,  
2015. 197 ms.  
ISBN 978-967-13009

Buku ini memberikan panduan tentang penggunaan Microsoft Project 2010 yang penting untuk diaplikasikan dalam industri pembinaan. Antara kandungan buku ini adalah penjadualan, penentuan sumber, perancangan jadual masa kerja, perancangan kos, pemantauan projek dan ramalan projek. Buku ini memberikan bimbingan tentang pengurusan sesuatu projek dan aplikasi menggunakan perisian ini dalam industri pembinaan dari segi penghasilan projek sehingga mencetak untuk tujuan laporan atau pembentangan. Secara umumnya, perisian ini lebih mudah dikendalikan dan diaplikasikan dalam penjadualan berbanding aplikasi lain yang terdapat di pasaran kerana ianya lebih ekonomi dan mudah dipelajari. Buku ini sangat sesuai sebagai rujukan kepada ahli akademik, pelajar kejuruteraan awam serta penggiat industri pembinaan.

## SINOPSIS BUKU




Fauziah Che Leh  
**Asas lokasi sektor kewangan & insurans**  
Tanjung Malim, Perak :  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015. 124ms.  
ISBN 978-967-0480-83-1

Pembangunan negara bukan sahaja bergantung kepada sektor industri, malah merangkumi sektor perkhidmatan khususnya perkhidmatan perantaraan. Sektor perkhidmatan perantaraan seperti kewangan dan insurans berperanan dalam membantu perkembangan ekonomi bandar. Faktor lokasi adalah penting sebagai asas untuk proses pengoperasian dan dalam masa yang sama imej korporat juga perlu digandingkan. Buku ini membantu memberi kefahaman tentang faktor lokasi yang perlu ada pada sesebuah firma perkhidmatan kewangan dan insurans khasnya kepada firma-firma berskala kecil dan sederhana. Ini kerana faktor lokasi dapat membantu memberi keyakinan kepada pelanggan selain ruang pejabat yang moden dan bangunan pintar. Buku ini turut membincangkan peranan sektor perkhidmatan, ciri-ciri menentukan lokasi, contoh kajian kes serta bentuk masalah yang sering dihadapi dan jalan penyelesaiannya.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Irfan Hamka  
**Ayah**  
Kajang, Selangor : Aras  
Mega, 2015. 239ms.  
ISBN 978-967-0520-31-5

H. Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih popular dengan nama HAMKA merupakan seorang yang penyayang kepada ahli keluarganya. Beliau merupakan seorang pejuang yang berjuang demi negaranya dan juga seorang ulama yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Selain itu, penulis yang merupakan salah seorang anak kepada HAMKA merakamkan peristiwa-peristiwa suka duka yang dilalui Buya Hamka. Penulis turut menyelitkan cerita mengenai kegemaran Buya Hamka di samping peristiwa di zaman pemberontakan Parti Komunis Indonesia dan keterlibatan Buya Hamka dalam politik. Kisah yang dipaparkan adalah dari sudut kaca mata seorang anak, iaitu orang yang paling dekat dengan Buya Hamka dan ianya ditulis dalam bentuk santai agar pembaca lebih menjiwai kisah-kisah tersebut.

## SINOPSIS BUKU




Bahruddin Bekri  
**Bagaimana akhirnya aku  
bernikah?**

Batu Caves, Selangor : PTS  
Litera Utama, 2014. 218 ms.  
ISBN 978-967-411-317-9

Buku ini amat menarik bagi yang suka berkongsi kisah tentang pertemuan jodoh manusia. Sebelum menemui suka duka jodoh, manusia menempuh pelbagai pengalaman termasuk sebelum menemui bahagia dengan jodoh yang telah ditentukan. Pengalaman dikongsikan adalah sangat menarik untuk dibaca. Ianya dapat dijadikan motivasi kepada pembaca yang masih belum bertemu jodoh kerana jodoh itu adalah rahsia Allah. Dengan siapa kita berjodoh, cepat atau lambatnya dipertemukan dengan pasangan adalah semuanya ketentuan Allah. Justeru, sebagai manusia, kita hanya merancang dan Tuhan yang menentukannya. Kita perlu terima jodoh yang telah ditentukan oleh-Nya.


## SINOPSIS BUKU



Mohd Al Adib Samuri &  
Noor Aziah Mohd Awal  
**Berkertas patah berlembut  
lentur : perintah bagi  
pesalah kanak-kanak**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2014. 241ms.  
ISBN 978-967-412-195-2

Kanak-kanak adalah golongan yang perlu dilindungi dalam semua aspek kehidupan. Salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah tentang isu kanak-kanak dan konflik dalam undang-undang. Setiap negara mempunyai sistem pengadilan kanak-kanak yang berbeza. Secara umumnya, buku ini membincangkan tentang teori penghukuman kanak-kanak di Malaysia. Buku ini membahaskan dua teori penghukuman yang sering digunakan, iaitu teori pencegahan dan pemulihan. Walau bagaimanapun, ianya sering menimbulkan konflik dan menyebabkan mahkamah dan penggubal undang-undang harus lebih teliti untuk mengenakan sebarang perintah kepada pesalah kanak-kanak. Pengeluaran perintah kepada kanak-kanak adalah satu pertimbangan yang sukar kerana akan memberi kesan kepada masa depan kanak-kanak tersebut dan seterusnya turut memberi impak kepada masyarakat.

## SINOPSIS BUKU




Mohamed Salleh Lamry  
**Biografi Ishak Shari :  
pejuang bumi semua  
manusia**

Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2014. 310ms.  
ISBN 978-967-412-252-2

Pemergian Profesor Ishak Shaari secara tiba-tiba pada 30 Jun 2001 merupakan satu kehilangan besar buat Malaysia dan kepada semua yang memperjuangkan keadilan dan pembangunan di dunia ini. Penerbitan biografi ini merupakan satu penghormatan kepada beliau bagi merakamkan sumbangan dan teladan yang boleh dijadikan panduan kepada semua. Biografi ini cukup baik dan komprehensif, memaparkan pembentukan intelektual Profesor Ishak Shaari, keserlahannya sebagai seorang sarjana, pemimpin akademik dan guru serta sebagai intelektual awam dan pemikir. Biografi ini juga merupakan gambaran peribadi Ishak sebagai seorang insan yang rendah hati, sentiasa ceria dan senang ketawa, seorang yang berfikiran terbuka dan maju serta sentiasa memandang seseorang tanpa mengira warna kulit, agama dan kedudukannya.

## SINOPSIS BUKU




N.A. Salleh  
**Cara mudah ketahui hal ehwal protokol & etiket dalam aneka majlis**  
Cheras, Selangor : Perintis Books, 2015. 176 ms.  
ISBN 978-967-5121-34-0

Pengetahuan tentang protokol dan etiket majlis amat penting untuk kita ketahui sama ada sebagai pengajur atau petugas bagi sesuatu majlis ataupun sebagai tetamu dalam majlis tersebut. Sebagai pengajur atau petugas bagi sesuatu majlis sama ada formal atau tidak rasmi tetapi formal, pengetahuan asas tentang protokol majlis dan etiket penting bagi memastikan majlis yang ingin dianjurkan mengikut protokol yang sepatutnya. Pengetahuan asas tentang protokol dan etiket majlis ini memberikan kredit tambahan kepada seseorang pekerja kerana pengetahuan asas tentang protokol dan etiket majlis ini memberi kita satu lagi kemahiran dalam pengurusan majlis baik sebagai pengurus majlis, petugas jawatankuasa penyusunan tempat duduk atau dewan, petugas jawatankuasa jemputan, pengacara majlis, penyambut tetamu dan sebagainya. Diharapkan buku ini dapat membantu kita meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan sesuatu majlis mengikut protokol dan etiket majlis yang sebenar.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Mohd. Ali Salim  
**Dialek Melayu Sarawak : perkataan, ayat dan perbualan**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.  
168ms.  
ISBN 978-983-46-1659-5

Penerbitan buku ini adalah untuk melestarikan Dialek Melayu Sarawak (DMS) agar terus kekal. DMS berperanan penting dalam komunikasi di Sarawak sejak dahulu lagi sebagai wahana hubungan antara kaum dan etnik. Buku ini memberikan pendedahan kepada pembaca tentang perkataan, ayat dan perbualan mengikut DMS. Di samping itu, buku ini memberi kefahaman tentang jenis perkataan, ayat dan percakapan dalam DMS. Buku ini mengandungi senarai perkataan-perkataan mengikut jenis perkataan seperti kata nama, kata ganti nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas, kata ganda dan juga perbualan dalam DMS. Setiap perkataan yang dibincangkan diberikan padanan dalam bahasa Melayu. Contoh ayat juga diberikan bagi memudahkan pembaca memahami penggunaan perkataan serta dimuatkan karya kreatif iaitu pantun dan cerpen dalam DMS. Buku ini amat berguna kepada anak jati Melayu Sarawak untuk menyegarkan kembali DMS yang mula lesu.

## SINOPSIS BUKU




Mahdi, Muhsin  
**Falsafah sejarah : Ibnu Khaldun: kajian dasar tentang dasar falsafah ilmu budaya**  
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014. 315ms.  
ISBN 978-967-430-429-4

Buku ini merungkai tentang falsafah sains sejarah dan budaya pemikir agung iaitu Ibnu Khaldun yang memberikan penekanan terhadap permasalahan sejarah dan budaya mengikut Islam. Ini merupakan kajian pertama tentang Ibnu Khaldun yang bukan untuk membela sains sosial moden mahupun kemodenan pemikiran Ibnu Khaldun, sebaliknya merupakan analisis dan intepretasi yang teliti terhadap karyanya. Buku ini memfokuskan tentang kajian terhadap prinsip sains budaya Ibnu Khaldun dan menjelaskan tentang inti pati prinsip ini dengan berlatarbelakangkan falsafah Islam dan klasik. Ibnu Khaldun sedar bahawa sejarah adalah berkait dengan perbuatan secara langsung kerana ia mengkaji keadaan sebenar manusia dan masyarakat. Ibnu Khaldun juga mendapati golongan terdahulu tidak menjadikan sejarah sebagai objek ilmu.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Muhd Kamil Ibrahim  
**HADIAH buat anak**  
Batu Caves, Selangor : Blink  
Book, 2015. 158ms.  
ISBN 978-967-0411-55-2

Buku *Hadiyah Buat Anak* (HBA) merupakan catatan perjalanan menakjubkan seorang ayah kepada anaknya, Tieha. Catatan ini yang berkisar tentang kehidupan, pelajaran, percintaan, luar negara dan keluarga. HBA memuatkan nilai yang sangat tinggi dan kesan yang mendalam kepada pembaca. HBA memberi kesedaran kepada Tieha betapa pentingnya peranan doa dalam kehidupan. Buku ini sangat bermotivasi dalam proses mengejar apa yang diidamkan dan pada masa yang sama ingin kekal dalam sebuah keluarga sakinah. HBA merupakan imbauan semula kehidupan dahulu mengikut fasa. Hadiyah seorang anak kepada orang tuanya pula tidak lain hanyalah dengan menggembirakan hati kedua ibu bapanya, dengan menempa kejayaan yang membanggakan bagi ibu dan bapa.


## SINOPSIS BUKU



Kamil Hj.Sidek  
**Himpunan tazkirah canteek!**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru,  
2015. 183ms.  
ISBN 978-967-388-193-2

Karya ini adalah naskhah istimewa bagi penulis sempena 17 tahun penglibatan beliau dalam penulisan. Penulis telah mencerahkan pengalaman berkarya beliau di saifulislam.com, blog, facebook dan twitter dan hasilnya dibukukan dalam penulisan buku ini. Beberapa tema utama merentasi isu keibubapaan, remaja serta persepsi mereka terhadap kehidupan dan agama telah diterjemahkan dalam bentuk isi kandungan dan ilustrasi kartun. Dialog yang disertakan ilustrasi sebagai satu lakaran seni dengan maksud yang tersirat. Dengan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Lakaran 31 sketsa kehidupan yang diceriakan dengan lebih 50 watak kartun pasti menarik minat para pembaca. Kehadiran buku ini memenuhi sketsa kehidupan sehari-hari kita, merangkumi nasihat dan teguran yang disampaikan dengan penuh kasih sayang dan kecintaan penulis terhadap bangsa dan agama. Buku ini wajar dijadikan panduan dalam membentuk diri dan peribadi.


## SINOPSIS BUKU



Chef Azian  
**Idea bekal ke pejabat : menu Asia**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub., 2015. 104ms.  
ISBN 978-967-411-512-8

Konsep membawa bekal sudah lama dipraktikkan dan sememangnya menjadi amalan biasa bagi kebanyakan orang. Membawa bekal ke pejabat akan dapat menjimatkan wang kerana harga makanan yang dibeli pastinya lebih mahal. Bagi mereka yang mengamalkan pemakanan sihat dan berdiet, membawa bekal ke pejabat adalah pilihan terbaik. Dengan perancangan yang betul, semua orang mampu untuk menyiapkan bekal untuk pasangan dan diri sendiri dengan mudah. Masak makanan yang mudah seperti makanan yang distim, dipanggang, ataupun makanan lebih semalam yang dimasak semula. Buku ini membantu untuk merancang menu yang sesuai untuk dijadikan bekalan. Terdapat 44 himpunan idea dan resepi yang sesuai disediakan untuk bekalan dibawa ke pejabat. Jangan jadikan membawa bekal sebagai sesuatu yang membebankan kerana faedahnya adalah sangat berbaloi iaitu lebih sihat dan menjimatkan.

## SINOPSIS BUKU




Mansur Abdul Hakim  
**Jibril A.S. penyampai wahyu**

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2015. 276 ms.  
ISBN 978-967-86-0503-8

Buku ini penting bagi mendalami pengetahuan kita tentang malaikat. Malaikat berada di alam cahaya dan daripada cahaya itu Allah S.W.T. menciptakannya. Jibril A.S. adalah ketua malaikat yang agung dan ditugaskan untuk menyampaikan wahyu Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W. Gua Hira menyaksikan wahyu pertama diturunkan menerusi malaikat Jibril A.S. kepada baginda Rasulullah S.A.W. Jibril A.S. selalu bersama Rasulullah S.A.W. dalam apa jua situasi sama ada senang mahupun susah. Turut dimuatkan dalam buku ini ialah kisah perjalanan Jibrail A.S. bersama para nabi Allah bermula dengan Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad S.A.W. Buku ini turut menghuraikan segala persoalan mengenai malaikat Jibril A.S. menjawab segala persoalan yang timbul dalam benak fikiran manusia tentang kewujudan malaikat.

## SINOPSIS BUKU




Zaleha Abdullah Mahdy  
**Kehamilan berisiko tinggi dan isu etika perubatan**  
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015. 84ms.  
ISBN 978-967-412-255-3

Buku ini memberikan panduan tentang kehamilan berisiko tinggi yang boleh membawa kematian atau komplikasi yang melebihi risiko biasa kepada ibu dan bayi. Pengendalian kehamilan berisiko tinggi pada peringkat klinikal memerlukan pengetahuan terkini yang tinggi, kemahiran, ketelitian dan prinsip etika yang kukuh. Ini penting supaya mereka yang terlibat dalam bidang ini mampu mengendalikan dilema klinikal serta kegawatan psikologi dan emosi pesakit serta keluarganya seperti konflik ibu-janin. Keputusan yang dibuat pastinya mencabar kebijaksanaan dan pertimbangan pakar obstetrik yang terlibat dan merunsingkan pesakit dan keluarganya. Konflik ibu-janin dan keputusan yang sukar begini boleh dilihat dalam banyak senario kehamilan berisiko tinggi yang melibatkan kes-kes hipertensi, rencatan tumbesaran janin, kencing manis, penyakit jantung, autoimun, kelahiran pramatang, pendarahan obstetrik, kedudukan janin songsang, pembedahan Caesarean, kelahiran menggunakan peralatan dan sebagainya.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




**Lagenda Hulu Perak**  
Gerik, Perak : Kolej  
Komuniti Gerik, 2015. 91ms.  
ISBN 978-967-11366-1-4

Setiap tempat yang wujud ada sejarah namanya, tidak kira sama ada penempatan atau lokasi tersebut terletak di bandar, kampung, pekan ataupun taman. Buku ini mengumpulkan cerita asal usul 60 buah kampung yang terdapat di Daerah Hulu Perak yang merangkumi 8 mukim iaitu Mukim Pengkalan Hulu, Mukim Belukar Semang, Mukim Kerunai, Mukim Gerik, Mukim Kenering, Mukim Temelong, Mukim Lenggong dan Mukim Durian Pipit. Kampung-kampung tersebut mempunyai sejarah namanya yang telah diberikan oleh pengasas kampung yang kebanyakannya berhijrah ke Perak dari Pattani, Thailand. Buku ini boleh dijadikan rujukan kepada pembaca yang ingin mengetahui mengenai asal-usul tempat-tempat untuk dijadikan rujukan dan pengetahuan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Mohamed Zamri, Datuk, Cheng, Po Cen & Coach  
Bahar  
**Legasi kekayaan kewangan**  
Seri Kembangan, Selangor :  
Jootawan Group, 2014.  
221ms.  
ISBN 978-967-11866-8-8

Buku ini memfokuskan kepada bagaimana untuk menggandakan wang melalui pendapatan aktif dan pasif secara berkesan bagi meningkatkan pendapatan pada masa yang sama dapat membina empayar keusahawanan tersendiri. Bukan semua orang kaya dilahirkan dalam keluarga kaya tetapi menjadi kaya kerana daya kreativiti dan kesungguhan untuk menikmati sebuah kehidupan yang hebat serta merealisasikan impian mereka. Untuk mencapai tahap legasi warisan kekayaan kewangan bukanlah mudah. Keberanian, segulung ijazah dan modal besar tidak menjamin seseorang usahawan itu berjaya, tetapi perlu berupaya membuat keputusan tepat, melaksanakan setiap keputusan dan cepat belajar dari kesilapan. Terdapat pelbagai sektor dalam bidang keusahawanan yang mempunyai kelebihan dan persaingan tersendiri. Buku ini turut memberikan beberapa teknik membuat keputusan dalam keusahawanan yang selama ini menjadi rahsia besar masyarakat Cina dan Jepun.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Khan, Hanna Ambaras &  
Nora Abdul Hak  
**Mediasi Komuniti di  
Malaysia**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
164ms.  
ISBN 978-983-49-0081-6

Pada asasnya, buku ini memperkenalkan konsep amalan mediasi komuniti tradisional, konsep mediasi komuniti, mediasi komuniti di Malaysia dan arah tuju program Mediasi Komuniti di bawah tajaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Ia turut memperkenalkan kepada pembaca tentang amalan mediasi komuniti tradisional, sejarah mediasi komuniti formal dan ciri-cirinya serta amalan mediasi komuniti di Malaysia. Di samping itu juga dimuatkan juga sejarah kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia secara ringkas serta sifat kaum dan etnik di Malaysia yang memilih untuk hidup dalam keadaan harmoni. Di samping itu menggalakkan penggunaan mediasi sebagai kaedah dalam menyelesaikan pertikaian dalam keluarga dan pada peringkat komuniti. Buku ini sesuai untuk dijadikan rujukan oleh mediator komuniti, mediator profesional, ahli akademik, pelajar universiti dan sebagai bahan bacaan umum.

## SINOPSIS BUKU




Syed Othman Syed Omar  
**Memoir : Lt Kol Dr Syed Othman**

Sungai Siput, Perak : Syed Othman Syed Omar, 2014.  
323 ms.  
ISBN 978-967-121-910-2

Autobiografi ini memaparkan pengalaman hidup penulis sebagai seorang anak yatim yang dibesarkan di dalam kawasan pedalaman dan hidup dalam kemiskinan. Namun, kemiskinan bukan penghalang cita-citanya untuk menjadi seorang tentera dan menyambung pengajian yang tertangguh. Hasil usaha gigih walaupun cacat penglihatan, beliau telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa di Universiti Miami, Amerika Syarikat. Seterusnya penulis dinaikkan pangkat dari seorang anggota tentera biasa kepada jawatan yang tinggi dalam ketenteraan. Penulis turut berkongsi pengalaman dan kisah suka duka dalam usaha untuk memajukan diri dalam kerjaya dan pelajaran. Buku ini boleh dijadikan motivasi dan tauladan yang baik kepada pembaca.

## SINOPSIS BUKU




Muhammad Zaki Yahpar  
**Mengurus harta cara**  
**Rasulullah : fiqh muamalat**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2015. 182ms.  
ISBN 978-967-0634-28-9

Inti pati buku ini berkisar mengenai muamalat iaitu tatacara atau peraturan yang memerlukan interaksi antara sesama manusia berlandaskan kepada syariat Allah S.W.T. Ini melibatkan aktiviti ekonomi dan sosial seperti jual beli, tukar-menukar, pinjam-meminjam dan sebagainya. Membicarakan undang-undang berkaitan dengan jual beli dengan jelas. Selanjutnya perbincangan menjangkau aspek pengurusan harta yang diajarkan oleh Rasulullah agar umatnya mendapat rezeki yang halal dan barakah dan yang ditekankan di sini ialah mengenai riba yang sering dipandang ringan oleh masyarakat akan kesan dan akibatnya. Terdapat 30 perkara lagi yang dibincangkan termasuk hibah, wadiah, ijarah, salam dan lain-lain. Setiap perbincangan dibicarakan dengan ringkas dan mudah difahami.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Ahmad Mukarrom Sunaryo  
Hilal  
**Menjadi guru pilihanku**  
Bintulu, Sarawak : Penerbit  
Borneo Media Solutions,  
2015. 120 ms.  
ISBN 978-967-0773-04-9

Buku ini berusaha untuk mengangkat darjat dan kedudukan guru pada tempat yang sewajarnya, walaupun pada masa yang sama kita dihidangkan dengan pelbagai berita sensasi dan kontroversi yang sering melanda persada pendidikan pada masa kini. Wujud beberapa kes kurang disenangi yang melibatkan guru, para pelajar, ibu bapa atau penjaga dan masyarakat. Isu yang melibatkan keruntuhan moral dalam kalangan pelajar yang akhirnya meletakkan kesalahan itu kepada warga pendidik semata-mata. Hakikatnya segenap lapisan masyarakat turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam dunia pendidikan, termasuk juga para ibu bapa pelajar. Langkah positif yang boleh diambil bersama ialah berganding bahu mencari penyelesaian dalam menangani masalah dan isu tersebut bukan menundung jari pada pihak-pihak tertentu. Profesional perguruan perlu dipandang tinggi kerana guru adalah penyampai ilmu kepada kita semua.

## SINOPSIS BUKU




Isu yang dibicarakan penulis buku ini ialah tentang budaya menuntut ilmu dalam suasana moden yang dikecapi hari ini terutamanya ilmu yang berkaitan dengan agama seperti Tauhid, Feqah dan Tasawuf. Kebanyakan umat Islam memandang ringan akan ilmu agama ini kerana menganggap ilmu-ilmu ini tidak penting untuk dipelajari. Mereka lebih suka dan sanggup menghabiskan wang ringgit semata-mata untuk mempelajari ilmu keduniaan. Buku ini memuatkan perbahasan tentang kewajipan menuntut ilmu dan cabang ilmu lain yang wajib dituntut oleh umat Islam serta beberapa permasalahan dan peringatan kepada orang-orang yang berilmu dan yang menuntut ilmu. Kewajipan dan keutamaan ilmu yang juga merangkumi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.

Mohammad Zaki Yahpar  
**Menyulusuri warisan  
peninggalan Nabi**  
Rawang, Selangor : Pustaka  
Ilmuwan, 2014. 213ms.  
ISBN 978-967-0634-30-2

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




### Modal insan dan cabaran pembentukan ummah cemerlang

Kuala Terengganu,  
Terengganu : Penerbit  
Universiti Sultan Zainal  
Abidin, 2014. 195ms.  
ISBN 978-983-9842-88-3

Ini merupakan koleksi artikel-artikel terpilih yang telah dibentangkan dalam siri Seminar al-Quran (SQ) anjuran Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Ianya mengandungi perbahasan tentang isu-isu semasa berkaitan pembangunan modal insan dan beberapa cabaran yang dihadapi oleh umat Islam masa kini bagi membentuk ummah yang cemerlang. Kupasan berlandaskan nas-nas al-Quran dan Sunnah dengan mengambil kira situasi dan realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat Islam dan dunia kontemporari. Buku ini amat sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan bukan sahaja oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan penyelidik dalam bidang pengajian Islam dan Sains Sosial, malah kepada pihak-pihak berkepentingan samada institusi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta serta orang awam. Golongan ini mempunyai peranan dalam membangunkan individu, keluarga, masyarakat dan negara bagi mencapai kesejahteraan dan kecemerlangan di dunia dan akhirat.


## SINOPSIS BUKU



Halim, Amanullah  
**Musa vs Firaun :  
pertarungan paling hebat  
dalam sejarah**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 326ms.  
ISBN 978-967-411-2769

Buku ini mengandungi kisah Nabi Musa A.S. dan Firaun, menurut perspektif al-Quran dan Taurat. Ia menjawab persoalan-persoalan kritikal berkaitan Nabi Musa A.S., Firaun, tokoh-tokoh yang wujud semasa zamannya, serta lokasi-lokasi sejarah yang penting. Cerita-cerita yang terdapat dalam al-Quran merupakan fakta sejarah yang memang pernah terjadi dan bukannya fiksyen atau khayalan. Kisah berkenaan Nabi Musa yang terdapat dalam surah *Ghafir* digambarkan dalam suasana pertempuran. Ia menekankan konsep pertempuran di antara benar dan batil serta iman dan kafir. Meskipun seorang tokoh daripada kerabat Firaun yang percaya kepada ajakan nabi Musa, namun Firaun tetap tidak percaya kepada ajaran Nabi Musa. Akhirnya, Firaun menemui kehancuran dan kekalahan. Kisah dalam al-Quran ini disampaikan dengan ringkas, tetapi padat dan bermakna agar dapat menjadi pengajaran dan menyampaikan ibrah yang terkandung di dalamnya.


## SINOPSIS BUKU



Irfan Khairi  
**Nota jutawan : nota perniagaan online**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2015. 138ms.  
ISBN 978-967-388-183-3

Perniagaan online merupakan suatu peniagaan yang amat popular pada masa kini umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Google, facebook dan blog merupakan antara medium yang digunakan untuk memperkenalkan sesuatu perniagaan itu. Ianya bukan sekadar mengetahui teknik promosi atas talian, tetapi perlu tahu mengimplementasi pelbagai teknik dan mempunyai strategi untuk bersaing dengan peniaga atas talian yang lain. Teknik dan tips boleh diperolehi dengan pelbagai cara untuk maju dalam perniagaan online seperti bahan-bahan bacaan yang berada di pasaran. Buku ini dapat membantu seseorang yang baru ingin membuka perniagaan online, yang dalam proses untuk memajukan lagi perniagaan dan untuk usahawan yang ingin mengekalkan dan memantapkan perniagaan mereka.

## SINOPSIS BUKU




Mohd Sobree Ali  
**Pencetus minda jutawan : strategi-strategi pengisian minda & pelaburan untuk menjadi jutawan**  
Petaling Jaya : Read Resources, 2014. 167ms.  
ISBN 978-983-072-198-9

Mengetahui langkah-langkah untuk menjadi jutawan merupakan salah satu faktor untuk mencapai kejayaan yang diinginkan. Selain itu seseorang itu juga perlu mempunyai minda sebagai seorang jutawan serta memahami pemikiran individu-individu yang telah berjaya menjadi jutawan. Penulis cuba memberi bantuan dan panduan kepada bakal-bakal jutawan dalam merealisasikan impian mereka melalui perbincangan dalam buku ini. Penulis menyarankan setiap langkah yang dikongsikan hendaklah difahami maksud dan dihayati setiap ayat dan dilaksanakan secara konsisten. Kajian dan amalan serta aplikasi yang dibukukan ini telah membuktikan kejayaan cemerlang kepada penulis. Penulis turut berkongsi kajian penulis-penulis tersohor di Amerika yang juga pakar motivasi seperti Napoleon Hill, Clement Stone, Bob Proctor, Zig Ziglar dan beberapa orang jutawan lagi.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Mohamed Nor Azhari  
Azman ... [et al.]  
**Pendidikan teknikal &  
vokasional : pendekatan  
penyelidikan, analisis &  
interpretasi**  
Tanjong Malim, Perak :  
Penerbit Universiti  
Pendidikan Sultan Idris,  
2014. 210 ms.  
ISBN 978-967-0480-56-5

Buku ini dihasilkan bagi membantu pelajar di institusi pengajian tinggi, penyelidik serta ahli akademik dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) untuk merancang dan menjalankan penyelidikan. Ia juga membincarkan konsep serta sejarah secara ringkas PTV di Malaysia. Pelbagai Akta dan Ordinan diperkenalkan untuk memartabatkan PTV. Penyelidikan merupakan kunci kepada proses melahirkan ilmu baharu secara saintifik dan sistematik dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Buku ini memenuhi lompong ilmu dalam korpus penyelidikan dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Pelbagai pendekatan reka bentuk penyelidikan dalam bidang PTV melalui kaedah penyelidikan seperti eksperimental, tinjauan, *grounded theory* dan kajian tindakan. Semoga buku ini dapat memberi panduan dan idea dalam menjalankan kajian penyelidikan yang berkaitan dengan bidang PTV secara sistematik dan jitu.

## SINOPSIS BUKU



Amina Noor  
**Rawatan sunnah  
Rasulullah : melalui  
rempah ratus dan tumbuh-  
tumbuhan**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2015. 239ms.  
ISBN 978-967-0634-27-2

Dunia perubatan moden memang terkenal dengan teknologi yang serba canggih untuk memberi rawatan kepada pesakit. Walau bagaimanapun perubatan tradisi masih lagi diamalkan dan menjadi pilihan masyarakat. Rawatan yang terbaik adalah dengan mengikut apa yang diajar oleh Rasulullah S.A.W. melalui al-Quran dan hadis. Perlu diingatkan penyembuh setiap penyakit yang dihadapi oleh manusia sebenarnya ialah Allah S.W.T. Setiap penyakit datangnya dari Allah S.W.T. dan penyembuhan penyakit itu juga atas keizinan Allah S.W.T. melalui tawakal dan usaha kita untuk sembah. Buku ini juga membincangkan beberapa penyakit yang boleh diubati dengan menggunakan perubatan tradisi yang kebiasaannya menggunakan tumbuhan herba dan juga membaca ayat-ayat suci al-Quran sambil meminta doa kepada Allah supaya penyakit itu dapat diubati dan menjadi sihat jasmani dan rohani. Setiap tumbuh-tumbuhan mempunyai banyak rahsia dan khasiat terhadap tubuh badan manusia dan dapat menyembuhkan pelbagai penyakit.

## SINOPSIS BUKU




Mana Sikana  
**Sasterawan negara di takhta keunggulan**  
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015. 281ms.  
ISBN 978-967-0798-74-5

Buku ini menghimpunkan nama-nama besar dalam sejarah pertumbuhan dan perkembangan sastera Melayu zaman moden dan pascamoden yang membicarakan kepengarangan Sasterawan Negara tanah air. Sehingga kini seramai 12 orang tokoh telah dipilih sebagai Sasterawan Negara. Fokus kajian yang diketengahkan telah menumpukan kepada aspek kepengarangan bagi memperlihatkan sifat keunggulan seseorang Sasterawan Negara. Mengandungi kertas penyelidikan, kertas kerja persidangan, kertas projek, eseai dan kritikan terhadap tokoh-tokoh Sasterawan Negara itu. Melalui penghasilan buku ini, diharapkan masyarakat dapat lebih mengenali Sasterawan Negara dan mengetahui kekuatan dan keistimewaan pengkaryaan mereka sehingga diberi gelaran tertinggi ini.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Ahmad Dasuki Al-Qari  
**Tangisan di Mahsyar**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2015. 130ms.  
ISBN 978-967-0634-31-9

Buku ini memperihalkan tentang kehidupan manusia di Mahsyar, iaitu hidup setelah mati yang pasti dilalui oleh semua insan. Padang Mahsyar adalah tanah berpasir putih yang sangat luas dan datar, di mana tidak terlihat dataran rendah maupun tinggi. Di Padang Mahsyar inilah semua makhluk Allah yang berada di tujuh lapis langit dan bumi termasuk malaikat, jin, manusia dan binatang berkumpul. Setiap manusia pada hari pengadilan akan hadir di Padang Mahsyar, diiringi oleh dua malaikat, yang satu sebagai pengiringnya dan yang satu lagi sebagai saksi atas segala perbuatannya di dunia. Segala kepahitan dan kesengsaraan di Padang Mahsyar digambarkan di dalam buku ini, agar boleh menambah keimanan dan mendatangkan keinsafan.

## SINOPSIS BUKU




Mahyuddin Abdullah  
**Tempur dan beladiri di jalanan**

Marang, Terengganu : Md  
Mahyuddin Abdullah, 2015.  
105ms.

ISBN 978-967-13286-0-6

Buku ini membicarakan aspek asas dalam menguasai seni beladiri dan sekaligus juga boleh digunakan untuk mendalami seni mempertahankan diri. Pembicaraan adalah merangkumi aspek latihan bermula dari asas seperti senaman dan regangan, kaedah kawalan pernafasan, kaedah serangan, pertahanan yang sesuai dalam mempertahankan diri dan sebagainya. Buku ini juga memuatkan pelbagai jenis serangan pukulan dan kuncian yang biasa digunakan serta kaedah pertahanannya yang boleh digunakan jika berlakunya serangan. Ilustrasi bergambar turut dilampirkan dalam buku ini supaya pembaca lebih memahami kaedah dan teknik seni beladiri ini. Selain itu, seni beladiri ini turut menitikberatkan aspek penjagaan kesihatan rohani dan jasmani termasuk penerapan nilai-nilai murni Islam. Dengan ini, pembaca dapat berfikir secara jelas dalam mengharungi dunia seni mempertahankan diri.

## SINOPSIS BUKU



Norwahidah Shariff  
**Variasi seni asas jahitan beg**

Shah Alam : Alaf 21 @  
grupbuku Karangkraf, 2015.  
160ms.

ISBN 978-983-124-992-5

Jadikan hidup anda lebih indah dengan membawa atau menggayakan beg ciptaan anda sendiri. Jahitan beg memerlukan kemahiran dan ketelitian. Ditambah dengan jahitan yang sempurna dan kemas boleh menghasilkan beg yang ekslusif untuk diri sendiri mahupun untuk dikomersilkan. Buku ini menampilkan asas menjahit dan membentuk beg mengikut paten sendiri. Bermula dengan membuat asas beg, poket, zip dan sebagainya. Setiap beg yang ditunjukkan diterangkan dengan lebih jelas dengan lakaran pola yang disediakan. Di samping itu, diselitkan juga kaedah pemilihan fabrik, peralatan dan teknik yang tertentu dalam menghasilkan setiap jenis beg. Dilengkapi juga dengan ilustrasi yang jelas dan langkah demi langkah. Bagi penggemar seni menjahit beg, anda boleh jadikan buku ini sebagai panduan ketika menjahit. Terdapat 10 paten beg yang berlainan disediakan di dalam naskhah ini.